



SEBAHAGIAN mahasiswa Universiti Malaysia Sabah membersihkan kawasan hutan paya bakau di Pulau Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini. - UTUSAN/JUNAIDI LADJANA

Pensyarah dan mahasiswa UMS jalankan khidmat komuniti

Membersih hutan paya bakau

Oleh JUNAIDI LADJANA
 utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 2 April - Hutan paya bakau amat penting dalam mengimbangi ekosistem bumi dan memberikan pelbagai faedah kepada manusia, baik dari segi ekonomi mahupun sosial.

Namun begitu, hutan paya bakau kini diancam kemusnahan dan kepupusan, sama ada berpunca daripada fenomena semulajadi mahupun aktiviti manusia.

Menyedari betapa pentingnya hutan paya bakau kepada alam, pelbagai pihak tampil untuk melindungi dan memulihara sumber alam itu.

Baru-baru ini, seramai 42 mahasiswa dan dua pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalankan khidmat komuniti membersihkan sampah sarap di kawasan hutan paya bakau Pulau Tunku Abdul Rahman, dekat sini.

Walaupun kedudukannya yang agak jauh kerana terpaksa menaiki bot selama 30 minit dan berjalan kaki 45 minit, ia tidak menghalang mahasiswa berkenaan menabur bakti kepada alam.

Program selama dua hari itu disertai oleh mahasiswa tahun tiga Sekolah Pendidikan dan Sains Sosial UMS.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut ialah memungut sampah sarap di sekitar pulau berkenaan, membersihkan empangan air untuk keperluan pengunjung dan mendengar taklimat pengawal hutan daripada Taman-Taman Sabah.

Walaupun program itu merupakan sebahagian kerja lapangan, namun peluang yang ada digunakan untuk melaksanakan program khidmat komuniti dalam memastikan ekosistem hutan paya bakau terus terpelihara.

Salah seorang peserta, Siti Mayon Ekoi, 22, berkata, program tersebut memberi peluang kepadanya untuk mengenali flora dan fauna di hutan paya bakau.

"Aktiviti seperti ini, bukan sahaja dapat

Ini merupakan pengalaman yang amat berharga kerana selain menjalankan kerja amal, kami juga diberi pendedahan secara terus ke tapak hutan paya bakau untuk mengetahui kepentingan ekosistem kepada manusia

- SITI MAYON EKOI
 Peserta

mengeratkan hubungan dengan masyarakat luar, malah memberi pendedahan kepada kami tentang kepentingan menjaga alam sekitar terutama hutan paya bakau.

"Ini merupakan pengalaman yang amat berharga kerana selain menjalankan kerja amal, kami juga diberi pendedahan secara terus ke tapak hutan paya bakau untuk mengetahui kepentingan ekosistem kepada manusia," katanya.

Muhamad Yunuis Maidin, 23, berkata, aktiviti membersihkan hutan paya bakau memberi pengalaman baru kepadanya.

"Ini kerana banyak pengalaman baru saya temui antaranya, zon hutan bakau dianggap sebagai zon makanan bagi kepelbagaian spesies dan ia amat kaya dengan khasiat makanan yang datangnya dari sumber sungai dan laut.

"Jadi, adalah amat penting bagi kita sebagai mahasiswa untuk menjaga sumber ini dengan lebih baik kerana banyak faedah yang diperolehi daripada sumber tersebut," katanya.

Menurutnya, walaupun kawasan itu yang agak jauh dari pusat bandar tetapi



SITI MAYON EKOI



MUHAMAD YUNUIS MAIDIN



NORLIHAN NANING



SEBAHAGIAN mahasiswa membersihkan sisa-sisa daun serta sampah sarap di sepanjang jalan kawasan hutan paya bakau Pulau Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu.

semua itu hilang apabila dapat berbakti kepada alam sekitar.

Norlihan Naning, 22, berkata, dengan mengikuti program itu secara tidak langsung dia dapat menyumbangkan idea baru dalam pemuliharaan ekosistem hutan paya

bakau dan menghasilkan kesan yang lebih baik kepada persekitaran.

"Dengan maklumat yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan dapat dijadikan rujukan kepada masyarakat umum," katanya.

Mahasiswa pulihara alam semula jadi

KOTA KINABALU 2 April - Mahasiswa perlu menjadi ejen bagi melindungi dan memulihara alam semula jadi hutan paya bakau daripada musnah khususnya akibat aktiviti manusia.

Pensyarah Ekosistem Universiti Malaysia Sabah (UMS), Roslee Talip berkata, sebagai golongan terpelajar, ilmu mengenai pemuliharaan dan kepentingan hutan berkenaan dapat disalurkan dengan mudah.

"Ini kerana hutan paya bakau mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi dan pelbagai fungsi bagi mengimbangi ekosistem alam seperti menawarkan sumber makanan dan bekalan air.

"Jadi sumber ini perlu dijaga untuk generasi akan datang dan sudah pasti peranan menjaga dan memulihara hutan paya ba-


kau ini memerlukan kerjasama erat daripada mahasiswa," katanya.

Beliau berkata, pendedahan menerusi program khidmat komuniti itu diharapkan mampu mencetuskan kesedaran di kalangan mahasiswa dan menghebahkan kepada masyarakat di sekeliling mereka.

Katanya, dengan melihat sendiri kehidupan hutan paya bakau, ia akan memberikan gambaran lebih jelas mengenai kepentingan sumber alam itu dipelihara.

"Ia bukan sekadar tetapi ditatapi generasi masa akan datang tetapi untuk manfaat kehidupan akan datang.

"Oleh itu, hutan paya bakau perlu dijaga bagi mengelakkan ia dimusnahkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab," katanya.



SALAH seorang mahasiswa Universiti Malaysia Sabah meninjau kawasan hutan paya bakau Pulau Tunku Abdul Rahman, Kota Kinabalu.